




Kawal diri selama 2 jam 48 minit

[Prof Madya Dr Sueraya Che Haron](#)



GAMBAR hiasan

KEMAJUAN sains dan teknologi membawa perubahan yang sangat besar dalam semua aspek kehidupan manusia. Teknologi juga merubah cara manusia berhubung. Pada masa kini, pelbagai bentuk media sosial boleh diguna untuk berkomunikasi dan berinteraksi.

Berdasarkan laporan ExplodingTopics.com, 10 media sosial yang paling ramai pengguna pada 2024 adalah Facebook, YouTube, WhatsApp, Instagram, TikTok, Wechat, Messenger, Telegram, Viber dan Snapchat. Urutan itu berdasarkan jumlah pengguna dan data trafik yang diukur secara bulanan. Meltwater.com turut melaporkan pada 2024, Malaysia merekodkan 28.68 juta pengguna media sosial. Media sosial yang paling popular di Malaysia ialah Whatsapp, TikTok, Facebook, Instagram, Twitter, Xiaohongshu, Telegram, Wechat, Pinterest dan Discord.

Memetik laporan Statista.com pada 4 Jun lalu, sehingga suku ketiga 2023, rakyat Malaysia menghabiskan masa selama dua jam 48 minit (purata sehari) menggunakan media sosial dan ia menunjukkan sedikit kenaikan daripada tahun sebelumnya iaitu dua jam 47 minit. Semua data itu menunjukkan dengan jelas betapa besarnya pengaruh media sosial dalam kehidupan kita semua. Ia seolah-olah sebahagian daripada kehidupan kita yang tidak mungkin dapat dipisahkan.

Namun, dalam keghairahan menyambut baik kepesatan pembangunan media sosial, kita tidak seharusnya lupa sisi gelap media sosial dan kesan buruk yang boleh berlaku andai tersalah langkah dalam menggunakannya. Oleh itu, dalam kita meraikan penggunaan media sosial seharusnya tidak lupa batas adab dan toleransi yang dianjurkan oleh agama dan adat ketimuran kita. Agama Islam sebagai contoh, mengharuskan penggunaan media sosial untuk kebaikan, namun suruhan menjaga adab dalam apa juga urusan seharian kita tetap dituntut.

Disyorkan

- [Nicol dilantik sebagai duta pendidikan ITA](#)
- [Yayasan Petronas agih sumbangan kepada 1,600 keluarga sempena Deepavali](#)
- [CEO GISBH, isteri dan anak Ashaari antara 22 dituduh esok](#)

- [Flick tidak mahu fikir sejarah lalu](#)
- [Kes radang paru-paru mycoplasma di Jepun catat rekod tertinggi 3 minggu berturut](#)

Sejak kebelakangan ini, banyak hantaran video yang tidak sewajarnya disajikan kepada umum viral di media sosial. Ada video yang mempertontonkan pertengkaran dan perang mulut, pergolakan rumah tangga, perlakuan yang jelik dan memalukan, berpakaian mencolok mata dan ditonton sehingga ratusan ribu kali. Ditambah pula dengan kandungan komen yang tidak sewajarnya yang ditinggalkan pada setiap video, sama ada berbentuk ejekan, sindiran, penghinaan dan ayat lain yang mengaibkan tentunya akan meninggalkan kesan negatif, bukan sahaja kepada yang menghantar, tetapi juga yang menontonnya.

Isu sebegini mesti dibendung bagi memastikan rakyat Malaysia menggunakan media sosial secara berhemah dan menghalang penularan elemen yang boleh memberi kesan terhadap keperibadian kita.

Di Malaysia, usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membendung penyebaran hantaran sebegini dari semasa ke semasa seharusnya dipuji. Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab, SKMM komited untuk meningkatkan literasi digital rakyat dengan memberi kesedaran terhadap penggunaan media sosial yang sihat dan tidak menyalahgunakan platform itu untuk tujuan tidak wajar serta melanggar undang-undang.

Penggunaan media sosial yang sejajar dengan syariat juga berkait rapat dengan pembangunan peribadi individu. Pengguna media sosial mestilah mempamerkan tingkah laku yang baik semasa menggunakan media sosial dan pada masa sama boleh mempengaruhi pengguna lain untuk sama-sama menjadi pengguna berkeperibadian baik juga.

Antara tingkah laku yang baik termasuk peka dengan sensitiviti masyarakat yang berbilang agama dan budaya, menghormati perbezaan pendapat dan nilai dalam membincangkan sesuatu isu serta beradab setiap kali membuat hantaran atau meninggalkan komen di media sosial.

Pengguna media sosial juga seharusnya sedar yang pengaruh media sosial sangatlah besar dan setiap apa yang dikongsi akan memberi impak kepada pengguna lain dan berpotensi mengubah sesuatu kepada yang lebih baik atau lebih buruk. Menyedari sifat media sosial yang berpengaruh, ia menjadi medium terbaik untuk memulakan sesuatu aliran yang positif dan bukan sebaliknya. Hantaran yang boleh memberi pengajaran dan pelajaran, ibrah dan tazkirah, panduan dan bimbingan, inspirasi dan motivasi ke arah kebaikan akan menyokong pembangunan peribadi yang sihat dan sangat dialu-alukan.

Hantaran yang membuka aib, memfitnah, mengutuk, menghina dan menjelikkan akan memberi kesan buruk bukan hanya kepada keperibadian seseorang, tetapi juga pemikiran, kepercayaan, persepsi, bahkan keseluruhan elemen pembentukan diri. Walaupun diakui hiburan adalah tujuan utama penggunaan media sosial pada masa kini, ia bukanlah tujuan utama penggunaan media sosial. Ajaran Islam sendiri tidak melarang umatnya mencari hiburan untuk diri mereka, namun hantaran bersifat hiburan mestilah tidak bercanggah dengan syariat, tidak melalaikan daripada tanggungjawab seorang Muslim dan mestilah sederhana sifatnya.

Penulis Pensyarah Jabatan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Disiarkan pada: Ogos 20, 2024 @ 5:59am

Trending



['Yang sakit kanser isteri kamu, bukan kamu'](#)

Oktober 24, 2024 @ 9:55am



[Keluarga 'bergelut' cari keadilan](#)

Oktober 24, 2024 @ 7:10am



Bahagia jaga tiga 'raja'

Oktober 24, 2024 @ 7:01am



Doktor, anak 4 tahun parah kereta dirempuh SUV dipandu remaja 18 tahun

Oktober 23, 2024 @ 11:35pm



Pengantin baharu kemalangan di Singapura, keluarga mohon bantuan

Oktober 23, 2024 @ 10:39pm

Mutakhir



'Yang sakit kanser isteri kamu, bukan kamu'



Perhilitan sahkan rakaman harimau muncul di Pulau Chondong video lama



Banjir di Perak semakin pulih pagi ini



Penganggur langgar pelajar ditahan, disiasat cubaan membunuh



Pekerja kilang maut langgar kerbau



Bina rakit, barang berharga disimpan rumah saudara sebagai persediaan banjir

MyResipi



Kek Pandan Gula Melaka Lembut Berkrim, Makan Sepotong Pun Tak Puas



Kari Ayam Minang, Rasa Pedas & Berempah Memang Bukan Kari Biasa-Biasa, Patut Dicuba!



Petua Simpan Cili Padi & Cili Merah, Berminggu Masih Segar & Tak Kecut



Cara Buat Puding Karamel Telur, Rupanya Tak Nak Hanyir, Kena Tambah Ini...



Cara Buat Lengkong Kenduri Dulu-Dulu, Lembut Dan Cantik Berkilat Hasilnya

Seismik



© 2024 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H).
A part of Media Prima Group.

- Titipan Kasih
- Laman Haramain
- Hubungi Kami
- Team myMetro
- RSS Feed
- Disclaimer
- Notis Perlindungan Data Peribadi

- Utama
- Mutakhir
- Global
- Arena
- Rap/Rapxtra
- Bisnes
- MetroTV

- Akademia
- #ITMetro
- Ku Bela
- Santai
- P&P
- Dekotaman
- WM

- Addin
- Rencana
- Sihat
- Xpresi
- Vroom
- Galeri
- Infografik

- RADIO**
- Dapatkan Audio+
- Hot FM
- Buletin FM
- Fly FM
- Eight FM
- Molek FM